

# *Boboiboy, Yaya* dibawa khas pikat kanak-kanak

**KUALA LUMPUR 12 Nov.** - Maskot animasi *Boboiboy* dan *Yaya* akan dibawa khas sempena pertandingan mewarna Pesta Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ke-12 yang berlangsung selama empat hari bermula esok di Kompleks Sukan Tuanku Najihah, Nilai, Negeri Sembilan.

Animonsta Studios menerusi kenyataannya berkata, kemunculan dua maskot itu bagi menarik minat kanak-kanak menyertai pertandingan tersebut sekali gus merencanakan sambutan konvokesyen.

“Ia merupakan platform yang

sesuai untuk mengasah bakat kanak-kanak di samping mengeratkan silaturahim keluarga melalui aktiviti riadah hujung minggu.

“Malah, beberapa aktiviti yang menarik seperti pertandingan *explorace*, cabutan bertuah dan penebusan keratan akhbar juga disediakan kepada orang ramai yang sesuai disertai setiap lapisan masyarakat,” katanya, di sini hari ini.

Animonsta Studios berkata, pihaknya menaja hadiah-hadiah istimewa bagi pemenang pertandingan tersebut yang akan diadakan pada 16 November bermula pukul 10 pagi.

“Pertandingan ini terbuka kepada kanak-kanak prasekolah hingga 12 tahun. Hadiah bagi tempat pertama adalah wang tunai RM200 dan hamper manakala bagi tempat kedua hingga 14 pula menerima hamper dan barangan *Boboiboy*,” katanya.

Mengulas lanjut, Animonsta Studios berkata, pihaknya turut bekerjasama dengan *Utusan Malaysia* bagi memberi pendedahan awal cara penulisan dalam skop yang lebih kreatif sekali gus memupuk minat generasi muda dalam bidang kewartawanan menerusi Bengkel Wartawan Muda Utusan/USIM 2014 musim kedua.